

Bingkisan Hadiah Pencetus Keberlangsungan Hubungan Diplomatik Pada Zaman Kesultanan Melayu

SALMAH JAN NOOR MUHAMMAD

ABSTRAK

Bingkisan hadiah merupakan mekanisme yang digunakan oleh sesebuah kerajaan untuk mencetuskan hubungan diplomatik dengan kerajaan luar. Pada zaman Kesultanan Melayu, selain menjalankan hubungan diplomatik, bingkisan tersebut bertujuan untuk mengukuhkan kedaulatan, menebar kuasa politik, memperluaskan pengaruh adat dan budaya, di samping mengembangkan agama yang menjadi pegangan masyarakat pada masa itu. Keanekaragaman dalam pemberian bingkisan ini terhasil daripada gabungan pemikiran atau idea pemerintah dan pembesar kerajaan untuk mewujudkan, melangsungkan, dan mengukuhkan hubungan diplomatik. Ia merupakan antara amalan yang digunakan oleh sebuah kerajaan Melayu, iaitu sebagai 'penawar' untuk menarik hati para pemerintah yang mewakili kerajaan Melayu lain ataupun kerajaan Barat, iaitu sebagai kerajaan 'penerima' untuk menerima dan mengekalkan hubungan tersebut. Artikel ini membincangkan keanekaragaman bingkisan hadiah yang digunakan oleh sesebuah kerajaan dalam menjayakan hubungan diplomatik, di samping membincangkan motif hadiah tersebut diberikan dengan menumpukan naskhah Melayu sebagai bahan perbincangan utama.

Kata kunci: bingkisan, hadiah, diplomatik, Kesultanan Melayu, kerajaan, naskhah Melayu

ABSTRACT

Gift parcels are the mechanism used by a government to trigger diplomatic relations with foreign governments. In the Malay Sultanate epoch, besides to establish diplomatic relations, the gift is intended to strengthen the sovereignty, cast a political power, extend the influence of custom and culture, as well as spread the religion that became the philosophy of society at that time. Diversity in giving gifts is a result of a combination of thoughts of the king and his officials to create, perpetuate, and strengthen diplomatic relations. It is the practice used by a Malay government, as an 'antidote' to impress the Malay rulers who represent other Malay governments or other Western governments, as a 'receptient' government to receive and maintain those relationships. This article discusses the diversity of the gift used by a government in the success of diplomatic relations, in addition to discuss the motives of the gift awarded by focusing on Malay manuscripts as the main discourse.

Key words: parcel, gift, diplomatic, Malay sultanate, government, Malay manuscript

PENDAHULUAN

Bingkisan hadiah merupakan mekanisme diplomatik utama yang digunakan oleh raja dan pembesar Melayu dalam mencetuskan keberlangsungan sesebuah hubungan diplomatik pada zaman Kesultanan Melayu. Menurut Gallop (1994: 78) bingkisan selalunya dihantar pada peringkat permulaan hubungan mesra antara dua pihak. Sementara bagi hubungan diplomatik yang sedia terjalin, pemberian bingkisan tersebut akan dijadikan sebagai pengukuh hubungan antara kerajaan. Misalnya, Sultan Iskandar Muda Johan Pahlawan Mahkota Alam (1590-1636), iaitu pemerintah kerajaan Aceh Darussalam telah menghantar utusannya ke Turki (Rom) dengan membawa hadiah. Kunjungan tersebut diterima baik oleh Khalifah Turki Uthmaniyah dan baginda telah mengirim hadiah

balasan berupa sebuah meriam dan penasihat militer untuk membantu memperkuat angkatan perang kerajaan Aceh (Fadhullah Jamil 1984:40). Tindakan Sultan Iskandar Muda Johan Pahlawan Mahkota Alam tersebut adalah untuk menguatkan ketahanan dan pertahanan kerajaan baginda daripada ancaman musuh. Dalam hal ini, ternyata bahawa hubungan diplomatik merupakan suatu aspek penting dalam membantu perkembangan pembangunan sesebuah kerajaan khususnya dari aspek politik, ekonomi, dan sosial.

Setiap kunjungan atau warkah yang diutus sudah pasti akan diiringi dengan hadiah yang beraneka ragam. Pemberian tersebut sebenarnya mempunyai maksud yang tersirat. Terdapat kerajaan yang memberikan hadiah atas dasar kepentingan politik, ekonomi dan sosial. Sebagai contoh, atas kepentingan sosiopolitik, kerajaan Kelantan telah

memberikan hadiah berupa ‘emas urai seberat 10 tahl, cincin bunga nyior urat dan kain putih 10 kayu’ kepada kerajaan Siam sebagai tanda pemula kepada hubungan diplomatik untuk mengelak ancaman kerajaan Patani dan Terengganu. Peristiwa tersebut tercatat di dalam *Hikayat Seri Kelantan* (Mohd. Taib Osman 2004: 46-48). Pada kesinambungan itu, apabila Terengganu mengetahui Kelantan berjaya mendapatkan perlindungan daripada kerajaan Siam, maka kerajaan Terengganu turut mengutus surat untuk berbaik-baik dengan Siam. Kesannya, Kelantan dan Terengganu tidak lagi bermusuhan dan hubungan antara kerajaan tersebut menjadi semakin akrab. Buktinya:

Dari semenjak itu tiadalah berlaku apa-apa pergaduhan lagi di antara Kelantan dengan Terengganu. Dan kembalilah persaudaraannya semula serta masing-masing kerajaan mengantar ufti bunga mas ke Benua Siam pada tiap-tiap tiga tahun sekali (Nik Mahmud Ismail 1934: 36).

KEANEKARAGAMAN BINGKISAN HADIAH DIPLOMATIK DALAM NASKHAH MELAYU

Keanekaragaman bingkisan hadiah diplomatik ini dapat ditelusuri menerusi naskhah Melayu. Naskhah Melayu merupakan himpunan peristiwa yang menjadi bukti berlakunya hubungan diplomatik pada zaman Kesultanan Melayu. Menurut Hassan Ahmad (2005:10) manuskrip Melayu atau dikenali oleh beliau sebagai karya agung Melayu ialah lambang kepada tahap pencapaian yang unggul dalam Tamadun Melayu. Ia mencerminkan pemikiran dan pandangan hidup bangsa Melayu dalam bentuk tamadun persuratan. Oleh demikian, dalam artikel ini akan digunakan beberapa manuskrip Melayu seperti *Sulalat al-Salatin (SS)*, *Hikayat Hang Tuah (HHT)*, *Hikayat Merong Mahawangsa (HMM)*, *Hikayat Aceh (HA)*, *Tuhfat al-Nafis (TAN)* dan *Al-tarikh Salasilah Negeri Kedah (ASNK)* untuk tujuan perbincangan. Antara bingkisan hadiah diplomatik yang dikenalpasti berdasarkan naskhah di atas ialah:

1. Bunga emas dan perak
2. Aksesori barangan kemas
3. Hamba sahaya
4. Wang ringgit
5. Peralatan Senjata
6. Haiwan yang Jinak

Bunga Emas dan Bunga Perak

Bunga Emas dan Perak dihasilkan oleh tukang Melayu di istana raja. Perbelanjaan menghasilkan sephohon bunga emas dan perak diperolehi melalui kutipan cukai banci yang dikenakan oleh sultan ke atas rakyatnya. Menurut Buyong Adil (1974:144), setiap orang dewasa di Terengganu dimestikan membayar seringgit setahun melalui sistem cukai banci. Di Kelantan dalam tahun 1801, sultan menitahkan setiap rakyatnya membayar sebanyak sekupang seorang (Ismail Bakti 1960:40) sementara di Kedah, menjelang akhir abad ke-19, orang Melayu atau Siam perlu membayar cukai sebanyak 56 sen seorang, orang Cina (peniaga) dikenakan bayaran cukai sebanyak \$ 2.25 sen seorang dan orang Cina (pekerja) pula dikenakan cukai sebanyak 62 sen seorang (Che’ Mustaffa Tam & Tuanku Nong Jewa 1960:43).

Di dalam naskhah *Undang-Undang Kedah* khususnya pada bahagian keempat, pengarang naskhah ini telah memberikan keterangan tentang cara membuat bunga emas dan bunga perak untuk penghantaran ufti ke Benua Siam. Ufti bermaksud persembahan (wang, emas, dan lain-lain) yang wajib dibayar kepada raja atau negara yang berkuasa (menaklukkan). Menurut Siti Hawa Salleh (2009:285), terdapat beberapa peraturan tentang cara membuat bunga emas dan bunga perak. Antara peraturan tersebut ialah:

Sebermula banyak emas ditempa, bunga emas dihantar ke Benua Siam, dua puluh emas masa raja dahulu-dahulu. Pada masa Sultan Muhammad Jiwa, tambah sepuluh emas, sebab sukar ia tempanya, sudah tempa lebih itu diambil pulangkan pada raja. Pertama ditempa itu sampak tombak dua panjangnya sejengkal telunjuk orang yang ugahari dan lebar pangkalnya empat jari dan lebar kakinya tiga jari ujung, lalu dipeterinya... panjangnya ranting yang di bawah ... maka banyaknya ranting dua pangkat itu delapan ... fasal alat semerap bunga emas itu, perisai empat bertulis ...

Maka dipahat pula kutum kemuncak itu berkelopak berpucuk rembang. Maka sekalian daun dan bunga lawang itu kesemuanya diguris seperti keadaan urat daun kayu, jumlah sekalian dan dengan daun sonak dan yang tergantung pada bunga lawang kemuncak itu, jadi seratus dua puluh lapan helai dan jumlah, dan bunga lawang sekalian kecil besar dengan di atas sekali jadi tiga puluh tujuh. Demikian lagi kemuncak kutum ranting dan kemuncak yang di atas jadi ia

tiga puluh juga dan jumlah buluhnya jadi seratus enam belas panjang kesemuanya itu. (Selesai tentang seni pembuatan bunga emas)

Ciri kemewahan yang terdapat pada sepohon bunga emas dan bunga perak merupakan lambang penghormatan dan penghargaan yang tinggi daripada pemberi hadiah kepada penerima hadiah. Keekklusifan hadiah tersebut menyebabkan penerima hadiah rela menerima apa juga bentuk hubungan yang diinginkan oleh pemberi hadiah. Sehubungan dengan itu, dalam naskhah *HMM* dan *ASNK*, pengarang kedua-dua buah karya ini ada menceritakan tentang peristiwa bermulanya pemberian hadiah bunga emas dan perak oleh kerajaan Kedah.

Dalam naskhah *HMM*, idea pemberian sepohon bunga emas dan bunga perak sebagai hadiah diplomatik tercetus apabila Raja Seri Mahawangsa, iaitu raja Kedah memperolehi pelbagai bingkisan yang indah serta mendapat warkah pemberitahuan daripada raja Siam yang mengatakan baginda telah mendapat seorang putera yang kini berumur tujuh tahun. Raja Siam merupakan kekanda sulung kepada Raja Seri Mahawangsa (hasil perkahwinan Raja Merong Mahapudisat dengan anak raja perempuan [tidak dinyatakan namanya]; Siti Hawa Salleh, 1998:34). Oleh itu, Raja Seri Mahawangsa mengambil keputusan untuk membalas bingkisan tersebut dengan hadiah yang bernilai dan bermutu tinggi untuk menggembarakan kekanda sulungnya itu di samping dapat mengakrabkan lagi jalinan kekeluargaan antara dua buah kerajaan. Lalu baginda pun memerintahkan menterinya untuk membuat persediaan bagi merealisasikan idea baginda itu. Perkara ini jelas tergambar menerusi petikan di bawah:

Maka Raja Seri Mahawangsa pun terlalulah kesukaan di dalam hatinya oleh melihat segala bingkisan itu dengan berbagai-bagai jenis perbuatan segala permainan kanak-kanak dan orang tua dan banyak pula hartanya itu. Maka ia pun berfikir di dalam hatinya itu, 'Apa juga yang baik aku hendak membalaskan akan anak saudaraku itu,' dengan tilik nazarnya dan fikirnya yang putus di dalam hatinya, 'biarlah jangan lagi tersebut nama kejahatan pada seisi alam dunia ini, supaya jangan jadi berputusan daripada umur aku ini boleh sampai pada anak cucu hingga sampai pada kemudian harinya, datang pada akhir zaman jangan tersebut nama kejahatan pada segala raja-raja dan pada khalayak sekalian... Maka titah Raja Seri Mahawangsa pada menteri keempat,

"Hendaklah tuan hamba suruh berhimpun segala tukang emas dan perak, beta hendak suruh kerjakan emas dan perak kepada tukang ini." Dan tukang kayu pun disuruh berhimpun dengan tukang besi sekaliannya (Siti Hawa Salleh 1998: 42-43).

Pengarang naskhah ini memperlihatkan keseriusan Raja Seri Mahawangsa dalam mengakrabkan semula hubungan kekeluargaan dengan raja Siam apabila baginda sangat menitikberatkan penghasilan bunga emas dan bunga perak yang dihasilkan oleh tukang emas, perak dan kayu yang telah dilantik oleh baginda. Sekiranya tidak menepati cita rasa baginda, baginda akan memerintahkan tukang tersebut untuk membuatnya semula. Keadaan tersebut berterusan sehingga baginda benar-benar berpuas hati dengan hasil kerja mereka. Hal tersebut juga telah menyebabkan kerja lain seperti pembinaan balai istana terpaksa ditangguhkan.

Maka Raja Seri Mahawangsa juga mengadapi pekerjaan itu dengan menyuruh segala tukang-tukang yang tiga empat bangsa membuat segala perbuatan itu. Jika tiada boleh seperti kehendak hatinya, disuruh hancurkan dan dibangunkan kepada rupa yang lain pula. Dengan hal yang demikian hingga sampai bertahun-tahun lamanya, maka pekerjaan yang hendak diperbuat kota parit, balai istana itu tiadalah menjadi, sebab leka dengan membuat sepohon bunga emas dan sepohon bunga perak dengan tombak cabang yang bersampak emas saga merkah dan bercincin perak dan tombak yang bermata nipis bersampak emas dan perak juga. Dan lagi diperbuat lembing yang bernama buang-buangan dengan bersampak emas juga dan lagi lengkap dengan perisai dan utar-utar seperti kelengkapan orang berangkat perang lakunya. Maka berkenaanlah pada hati baginda itu akan jadi permainan anak saudaranya itu, serta memberi suka hati raja Benua Siam dengan orang sekalian, supaya termahsyurlah kepada hari kemudian (Siti Hawa Salleh 1998:43).

Ketelitian baginda dalam penghasilan bunga emas dan bunga perak tersebut ada kaitannya dengan pendapat yang dinyatakan oleh Yuan Wang et al. (2000:133). Mereka mengatakan bahawa ragam dan nilai hadiah hendaklah mencerminkan kedudukan, pangkat, dan cita rasa penerima. Hadiah yang bermutu rendah dan tidak menepati cita rasa penerima akan mengaibkan diri sama ada penerima mahupun pemberi hadiah. Oleh itu, berdasarkan pendapat tersebut adalah tidak mustahil sekiranya

baginda sangat teliti dalam isu kualiti penghasilan sesuatu barang (hadiah) terutamanya dalam aspek kekemasan ukiran pohon bunga emas dan bunga perak tersebut. Selain itu, sikap ketelitian baginda ini menggambarkan bahawa baginda seorang yang eksklusif bersesuaian dengan status baginda sebagai seorang pemerintah kerajaan.

Pengorbanan Raja Seri Mahawangsa dan rakyat baginda dalam menyiapkan sephohon bunga emas dan bunga perak tersebut berbaloi apabila raja Siam menunjukkan reaksi positif terhadap pemberian hadiah yang bernilai tinggi itu. Raja Siam sangat gembira dan memohon agar Raja Seri Mahawangsa menghantar 'hadiah sedemikian rupa' apabila baginda mendapat zuriat lagi. Kegembiraan raja Siam itu jelas tergambar menerusi petikan di bawah:

Tiada berapa lamanya setelah lengkap segala kelengkapan dan bingkisan serta beberapa pakaian yang akan dibalasnya kepada saudaranya negeri Kedah itu, setelah diperbuat surat lalu diserahkan kepada utusan itu serta berpesan kepada saudaranya, "Barangkali kita beroleh putera, maka hendaklah saudara kita perbuat beri seperti bunga emas dan perak ini, antarkan mari kepada kita kerana pekerjaan itu terlalu amat kesukaan bermain akan dia" (Siti Hawa Salleh 1998: 44).

Berdasarkan petikan di atas, menunjukkan Raja Seri Mahawangsa berjaya dalam matlamatnya untuk mengakrabkan semula jalinan hubungan kekeluargaan setelah kedua adik beradik ini terpaksa berpisah kerana amanah datuk mereka, iaitu Raja Merong Mahawangsa. Raja Merong Mahawangsa telah mengamanahkan anakanda baginda yang bernama Raja Merong Mahapudisat, iaitu ayahanda kepada raja Siam dan Raja Seri Mahawangsa untuk menghantar cucu-cucunya membentuk kerajaan masing-masing setelah dewasa (Siti Hawa Salleh 1998:34-35). Oleh itu, pemberian sephohon bunga emas dan bunga perak tersebut telah membangkitkan semula rasa kasih antara mereka dan sekaligus merapatkan semula ikatan kekeluargaan diraja tersebut. Pernyataan ini berpadanan dengan pendapat Siti Hawa Salleh (2009:576) yang mengatakan bahawa hubungan penghantaran bunga emas tersebut adalah didasari oleh pertalian kekeluargaan dan rasa hormat serta kasih sayang antara adinda yang bongsu terhadap kekanda sulungnya dan hal ini langsung tidak menggambarkan unsur naungan atau penekanan kuasa antara kedua-dua kerajaan. Tanpa unsur naungan dan lebih berfokuskan kepada hubungan kekeluargaan ini, ia

telah berjaya membentuk suatu jalinan hubungan diplomatik sosial antara dua buah kerajaan khususnya kerajaan di sebelah utara Semenanjung Tanah Melayu.

Setelah raja Siam menerima hadiah bunga emas dan bunga perak daripada Raja Seri Mahawangsa, baginda telah membuka sempadan politik kerajaannya kepada kerajaan Kedah. Hal ini terbukti apabila raja Siam mula bertanyakan tentang hal ehwal kerajaan Kedah kepada utusan Raja Seri Mahawangsa:

Setelah datang segala surat dan bingkisan itu ke hadapan baginda, maka terlalulah sukacitanya melihatkan segala perbuatan saudaranya itu akan permainan anakanda baginda serta titahnya kepada menteri yang membawa surat dan pohon bunga emas dan bunga perak bertanya khabar saudaranya dan hal negeri Kedah itu ramaikah. Maka disembah oleh menteri sekaliannya dengan segala pesanan rajanya itu. Maka raja Siam pun tergelak-gelak mendengar pesanan itu serta menyuruh memberi persalinan kepada segala menteri utusan dan kepada orang yang seratus itu (Siti Hawa Salleh 1998: 44).

Selain bertanyakan hal ehwal kerajaan Kedah, raja Siam turut berjanji akan membantu kerajaan Kedah dalam semua aspek. Raja Siam tidak akan membiarkan Kedah menghadapi pelbagai musibah atau masalah secara bersendirian. Justeru, keadaan ini telah mewujudkan situasi 'kesepakatan bersama' antara kedua buah kerajaan. Janji raja Siam itu dapat dilihat melalui petikan di bawah ini:

Maka sembah utusan Kedah, "Baiklah, tuanku, barang yang dititahkan oleh duli yang maha mulia itu bolehlah patik sembahkan kepada tuan patik dan persampaikan pada paduka bonda baginda itu." Maka disembahkan pula oleh utusan, "Ya tuanku, siapa tahu kalau-kalau datang kelak sesuatu hal kesakitan di atas negeri Kedah atau di atas paduka adinda itu, tiadalah lain lagi tempat yang akan diharapkan pertolongan."

Maka titah raja Benua Siam, "Jikalau ada sekiranya datang di dalam negeri saudara kita itu sesuatu hal seperti datang ke Benua Siam inilah, jika sakit ia, sakitlah kita kerana pula paduka adinda itu saudara kita, demikianlah pada fikiran kita siang dan malam. Maka kamu sekalian pun hendaklah demikian jua fikirnya, supaya menjadi baik disebut orang nama kita" (Siti Hawa Salleh 1998: 44-45).

Janji yang diberikan oleh raja Siam tersebut bukanlah berdasarkan kejadian masa kini (pada

waktu itu) namun ia lebih berfokus kepada peristiwa yang berlaku pada masa akan datang. Hal ini terbukti, apabila berlakunya peristiwa percubaan merebut kuasa oleh Raja Kelana Hitam semasa kerajaan Kedah tidak mempunyai raja untuk sementara waktu. Kelana Hitam merupakan raja di Pulau Air Tawar (Siti Hawa Salleh 1998:67). Oleh itu, baginda ingin mengambil kesempatan untuk menakluki Kedah semasa proses pencarian waris raja kedah sedang berjalan. Lihat contoh dialog antara Raja Kelana Hitam dengan menterinya tentang isu tersebut:

Maka sembah Maharaja Darul-alam, “Ampun tuanku adalah orang kita datang daripada selatan menenggara tanah itu sudah amat baik seperti negeri Kedah itu, siap dengan kota paritnya. Maka negeri itu rajanya sudah tiada lama. Maka fikir patik, baik juga tuanku pergi menjadi raja kepada negeri Kedah itu.”

Maka sembah Maharaja Darul-salam, “Sungguh tuanku, baik negeri Kedah itu duli tuanku duduk menjadi raja, orangnya ramai negeri itu.

...Maka sembah Maharaja Darul-gunung,” Pada fikiran hati patik, jika sudah duli tuanku suka hendak menjadi raja di dalam negeri itu, marilah kita pindah pergi sekali. Apa gunanya memberi khabar kepada menteri dan orang isi negeri itu? Jika ia sekalian tiada suka, kita langgar perang sekali. Yang kita mahu masuk juga, berapatah jantannya. Janganlah duli tuanku menaruh susah hati, pergi sahaja duli tuanku itu menjadi rajalah.

...Maka titah Raja Kelana Hitam, “Baik bicara yang demikian seperti bicara Jakjakuja Raja itu. Hendaklah kita sekalian bersiap di dalam ini juga, tiada berapa lamanya kita hendak berjalan pergi ke negeri Kedah itu” (Siti Hawa Salleh 1998:68).

Niat Raja Kelana tersebut telah sampai kepengetahuan menteri raja Siam yang bernama Kelahum. Kelahum merupakan wakil raja Siam dalam membantu kerajaan Kedah mencari waris kerajaan (Siti Hawa Salleh 1998: 68-69). Oleh itu, Kelahum merasakan sudah menjadi tanggungjawab beliau untuk menghalang niat Raja Kelana Hitam itu memandangkan Kedah pada masa itu tidak mempunyai pemerintah. Tanpa pemerintah, sudah pasti benteng pertahanan Kedah longgar dan hal ini akan menyebabkan keselamatan kerajaan Kedah terancam. Menurut Omardin Ashaari (2008: 347) dengan adanya pemimpin kerajaan, akan menyebabkan benteng pertahanan menjadi kuat dan ia akan dapat menentukan wujudnya keamanan dalam sesebuah negara itu.

Keengganan pihak Raja Kelana Hitam untuk berundur diri telah menyebabkan berlakunya peperangan dengan tentera pimpinan Kelahum. Akhirnya, peperangan tersebut telah berpihak kepada tentera menteri Kelahum dan beliau juga telah berjaya menawan Raja Kelana Hitam. Dalam hal ini, jelas kelihatan kesungguhan pihak Siam dalam membantu menyelamatkan Kedah daripada dicerobohi oleh pihak asing. Peristiwa ini ada kaitannya dengan pemberian hadiah diplomatik, iaitu seponhon bunga emas dan bunga perak oleh Raja Seri Mahawangsa kepada raja Siam dan janji raja Siam yang akan membantu Kedah untuk menghadapi musibah atau masalah. Walaupun janji tersebut berlaku pada zaman pemerintahan Raja Seri Mahawangsa, Siam tetap berpegang kepada janjinya dan telah mengotakan janjinya pada zaman pemerintahan Raja Phra Ong Mahaputisat, iaitu cucu kepada Raja Seri Mahawangsa.

Pada kesinambungan itu, keterikatan hubungan diplomatik sosial yang dibicarakan sebelum ini telah membantu Kedah mengembangkan hubungan diplomatiknya dengan Siam dari sudut politik khususnya dari aspek pertahanan dan keselamatan kerajaan. Berdasarkan penelitian yang dilakukan, menunjukkan Raja Seri Mahawangsa seorang pemikir yang hebat dan berstrategi dalam menentukan hala tuju hubungan diplomatik kerajaannya. Hal ini jelas tergambar apabila baginda berfikir untuk menghadiahkan seponhon bunga emas dan bunga perak yang tidak pernah dibuat oleh raja lain. Menurut Mohd Jamil Mukmin (2011: 83) sejarah penghantaran bunga emas telah dimulakan oleh Kedah kepada Siam sejak abad ke-14. Selain itu juga, pengorbanan baginda dari aspek masa dan tenaga serta mengabaikan perkara lain semata-mata untuk kepentingan kerajaan baginda pada masa akan datang terbalas setelah kemangkatan baginda, iaitu apabila Siam bersedia membantu Kedah mempertahankan kedaulatan waris baginda daripada diganggu gugat oleh pihak lain. Buktinya Siam memerangi pihak Raja Kelana Hitam seperti yang dibincangkan sebelum ini.

Strategi pemberian hadiah berupa seponhon bunga emas dan bunga Perak yang diilhamkan oleh Raja Seri Mahawangsa dalam mengukuhkan hubungan diplomatik kerajaannya telah membuka suatu wajah baru dalam hubungannya dengan Siam. Hasilnya, kerajaan Kedah dan Siam terus berhubungan dan saling bantu-membantu antara satu sama lain. Perkara ini terbukti menerusi petikan berikut:

Hatta, tiadalah berputusan raja Benua Siam menghantarkan surat utusan ke negeri Kedah, tiadalah lagi berselang tahun tanda berkasih, pergi datang pada tiap-tiap tahunnya (Siti Hawa Salleh 1998: 79).

Selain daripada naskhah *HMM*, pengarang naskhah *ASNK* turut mengetengahkan bingkisan hadiah berupa bunga emas dan perak sebagai strategi menjalinkan hubungan diplomatik sosial dengan kerajaan lain. Peristiwa bermulanya pemberian bunga emas dan bunga perak kepada kerajaan luar antara kedua buah naskhah ini agak berbeza sedikit penceritaannya. Dalam naskhah *HMM*, faktor pemberian hadiah tersebut berpunca daripada kelahiran anak Raja Siam manakala, *ASNK* pula lebih kepada membalas jasa Raja Ligor atas bantuan ketenteraan yang telah diberikan.

Semasa pemerintahan Seri Paduka Maharaja Derma Raja, iaitu raja Kedah yang ketujuh, baginda telah mendapat ancaman perang daripada Raja Tenangsari, iaitu raja Burma. Peperangan tersebut berlaku di Padang Jangam, negeri Kedah. Pada masa yang sama, Raja Ligor mendapat berita tentang peristiwa perang antara kedua buah kerajaan tersebut. Lalu Raja Ligor mengambil keputusan untuk memberi bantuan kepada negeri Kedah.

Maka berita mengenai peperangan yang tersebut itu, dan berita musoh dari negeri Tenangsari melanggar negeri Qalha hingga menyebabkan peperangan antara kedua2 pihak di-Padang Jangam itu pun sampai-lah kepada Raja Ligor. Maka Raja Ligor pun menghimpunkan segala hulubalang pahlawan dan ra'ayat-nya sakalian hendak pergi membantu Maha Putera. Hatta, tiada berapa hari kemudian sampai-lah angkatan Raja Ligor itu lalu masuk berperang membantu angkatan Maharaja Putera. Maka ramai-lah yang mati dan luka antara kedua2 pihak itu (Mohd Zahid bin Mohd Shah 1968:20).

Petikan di atas membuktikan Raja Ligor ialah seorang yang cintakan kedamaian nasional. Baginda tidak suka mendengar dan melihat pencerobohan ataupun penaklukan secara paksaan terhadap sesebuah kerajaan. Oleh kerana Raja Tenangsari ingin mengganggu-gugat kedaulatan kerajaan Kedah atau Qalha, maka baginda rasa terpenggil untuk memberi bantuan kepada kerajaan Kedah atas dasar cintakan keamanan serantau. Niat suci baginda itu diterjemahkan oleh baginda apabila baginda dan tenteranya sanggup berkorban nyawa untuk sama-sama menyelamatkan kedaulatan kerajaan Kedah. Akhirnya, atas kerjasama antara dua buah kerajaan, iaitu kerajaan Ligor dan kerajaan Kedah, maka

angkatan tentera Raja Tenangsari pun dapat dikalahkan. Peperangan tersebut telah berlangsung selama setahun.

Bantuan secara rela oleh Raja Ligor dan peristiwa perang tersebut telah membuka mata hati Seri Paduka Maharaja Derma Raja agar memberi ruang kepada kerajaan baginda untuk berhubungan dengan kerajaan luar demi kedaulatan kerajaan Kedah dan mengekalkan pemerintahan oleh waris baginda. Baginda percaya bahawa kemakmuran dan kekayaan kerajaan Kedah akan terancam sekiranya baginda bertegas untuk hidup berdikari tanpa bantuan luar. Kemakmuran kerajaan Kedah itu telah membawa ramai pedagang asing dari luar untuk berniaga di negeri Kedah. Oleh itu, baginda perlu berusaha untuk mengekalkan keadaan sedemikian demi kepentingan politik, ekonomi, dan sosial kerajaan Kedah. Menurut Ismail Saleh (2003: 6) orang Melayu di Kedah pada masa itu, rata-ratanya ialah ahli pelayaran dan ahli perniagaan. Kapal Kedah memenuhi laut di Kepulauan Melayu, India, dan laut Siam. Oleh itu, sekiranya terdapat gangguan daripada pihak luar, maka kekacauan yang tercetus itu akan mencemar imej kerajaan Kedah sebagai salah satu kerajaan maritim di Kepulauan Melayu yang tersohor.

Sehubungan dengan itu, Seri Paduka Maharaja Derma Raja bercadang untuk menjalinkan hubungan dengan kerajaan Ligor. Oleh itu, baginda telah mendapat idea yang hebat, iaitu dengan memberikan hadiah sepohon bunga emas dan bunga Perak di samping peralatan lain seperti kain kasa, kain putih, utar-utar, tombak, lembing dengan alasan untuk membalas jasa di atas pertolongan yang diberikan oleh Raja Ligor dalam peperangan tersebut. Namun sebenarnya tujuan baginda menghadiahkan barangan tersebut adalah untuk mengikat perhubungan secara berterusan dengan Raja Ligor. Misalnya:

Hatta, pada suatu hari Seri Paduka Maharaja Derma Raja bermuafakat dengan paduka adinda baginda Maha Putra dan Menteri keempat dan Menteri Delapan hendak membalas kebajikan Raja Ligor yang membantu Maha Putra di-dalam peperangan menentang Raja Tenangsari di-Padang Jagam itu. Sa-telah putus muafakat yang tersebut itu mereka membuat ketetapan hendak membuat sa-pohon bunga emas dan sa-pohon bunga perak; tiap2 sa-pohon itu mempunyai empat chabang, untuk dihantarkan kepada Raja Ligor. Barang2 lain yang hendak di-hantar itu termasuk juga dua kayu kain khasa berkepala benang emas dan dua belas buah perisai dan dua belas utar2 dan dua belas batang tombak,

dua belas batang lembing dan dua belas kayu kain putih (Mohd Zahid bin Mohd Shah 1968:21).

Perkara yang menarik dalam peristiwa pemberian hadiah ini ialah apabila Seri Paduka Maharaja Derma Raja memberikan makna di sebalik tujuan baginda menghadaiahkan barang berharga tersebut kepada Raja Ligor. Sebagai contoh, tujuan pemberian seponon bunga emas dan bunga perak ialah untuk menggantikan perbelanjaan perang yang telah dibelanjakan oleh Raja Ligor. Sementara itu, hadiah seperti tombak, lembing, perisai dan utar-utar (perisai kecil yang berbentuk bundar yang dihasilkan daripada tembaga atau besi) bermaksud bagi menggantikan alat senjata pahlawan yang telah rosak manakala, kain putih adalah bertujuan untuk menggantikan kain baju rakyat Raja Ligor yang telah koyak semasa berperang:

Adapun bunga emas dan bunga perak itu ia-lah untuk mengganti perbelanjaan peperangan; tombak dan lembing, perisai dan utar-utar itu ia-lah untuk menggantikan senjata hulubalang pahlawan yang binasa, dan kain putih itu diberikan kepada ra'ayat kerana menggantikan kain yang binasa dalam masa peperangan, demikian-lah ma'ananya balasan itu (Mohd Zahid bin Mohd Shah 1968:21).

Berhubungan dengan perkara di atas, Seri Paduka Maharaja Derma Raja ialah seorang pemerintah yang tahu tentang tugas dan tanggungjawab baginda terutamanya dalam urusan hubungan diplomatik kerajaan baginda. Sebagai pemerintah tertinggi kerajaan, tindakan baginda memaknakan setiap pemberian baginda itu ialah untuk menarik perhatian dan mengambil hati Raja Ligor di samping memperlihatkan keprihatinan baginda terhadap kos perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh Raja Ligor dalam membantu angkatan tentera baginda dalam peperangan tersebut. Selain itu, tindakan baginda itu juga adalah untuk mengharumkan nama dan kerajaan baginda di mata kerajaan Ligor, khususnya dan kerajaan lain, amnya. Tindakan Seri Paduka Maharaja Derma Raja ini berpadanan dengan contoh petikan di bawah ini, yang menasihatkan bahawa setiap raja perlu menjaga nama baik diri dan kerajaannya.

Nasihat: Seyogianya bagi hamba Allah memelihara namanya daripada tukas dan cerca segala manusia, istimewa pula segala raja-raja dan segala orang besar-besar, memelihara namanya daripada demikian itu, dan jangan ia mengerjakan suatu pekerjaan yang datang

kepadanya tukas (*Bustan al-Salatin: UM MS 41:420*).

Bermula tiada dapat tiada raja-raja dan orang besar-besar itu memelihara namanya yakni memelihara nama yang jahat supaya disebut orang baik (Hasan Junus 1996:216).

Strategi diplomatik yang dirancangkan oleh Seri Paduka Maharaja Derma Raja dan pembesar baginda itu akhirnya berjaya, apabila Raja Ligor bersetuju menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan Kedah. Raja Ligor tertarik hati dengan pemberian hadiah yang dianggap oleh baginda (Raja Ligor) sangat bernilai. Dalam hal tersebut, Raja Ligor dapat menilai bahawa raja Kedah itu memang serius menjalinkan hubungan dengan kerajaannya. Selain itu juga, Raja Ligor dapat menjangkakan bahawa jalinan hubungannya dengan Kedah akan membawa kebaikan kepada kedua-dua pihak, iaitu kebaikan dari aspek ekonomi kepada pihaknya manakala, aspek politik kepada pihak Kedah. Dalam keadaan ini, kedua-dua pihak berada di dalam situasi menang-menang. Menang-menang ialah kedua-dua mendapat bahagian yang sama rata (Md. Yadi Said 2006:152).

Reaksi dan tindakan 'tanda persetujuan' jalinan hubungan diplomatik oleh kerajaan Raja Ligor dapat dibaca menerusi petikan ini:

Reaksi:

Maka persembahan itu diterima oleh Raja Ligor dengan beberapa kesukaan dan puji-an. Kehendak puji-an itu ia-lah supaya perhubungan antara kedua-dua buah negeri itu akan tinggal berkaseh-an sampai ka-anak chuchu chichit (Mohd Zahid bin Mohd Shah 1968:22).

Tindakan:

a) Membalas hadiah

Maka sa-telah putus muafakat itu, mereka pun membalas hantaran itu dengan menghadaiahkan gaharu dan kemenyan dan delapan ratus gantang beras untuk dijadikan bekalan orang Qalha yang hendak balek (Mohd Zahid bin Mohd Shah 1968:22).

b) Mengutus surat

Sa-Puchok surat di-tuliskan mengatakan yang barang yang dihantar oleh Seri Paduka Maharaja Derma Raja seperti yang tersebut di-dalam surat baginda itu ia-itu bunga emas bunga perak dan alat-an lain di bawa oleh Tan Dermadewa sudah di-terima. Sa-bahagian surat itu berbunyi lebeh kurang bagini;

“Perhamba dan segala menteri2 perhamba sangat suka hati menerima pemberian Seri Paduka Maharaja itu. Dan lagi perhamba dengan segala menteri2 sangat besar hati suka hendak memandang lagi hari yang hadapan bunga emas bunga perak hantaran Seri Paduka Maharaja tiap2 tiga tahun sakali, supaya tiada berkeputusan kaseh berkasehan dan tiada boleh lupa sampai ka-anak chuchu chichit turun-temurun memandang bunga emas bunga perak Qalha itu. Dan perhamba dengan segala menteri2 ingat tentu-lah Seri Paduka Maharaja terlebih suka hati hendak hantar saperti perhamba buka hati sebut kata itu”(Mohd Zahid bin Mohd Shah 1968:23).

Lanjutan daripada peristiwa di atas, hubungan antara kerajaan Kedah dengan Raja Ligor pun bertambah erat. Maka Seri Paduka Maharaja Derma Raja pun mengotakan janjinya untuk memberi dan menghantar hadiah istimewa itu kepada Raja Ligor seperti yang dihendaki oleh Raja Ligor sebagai tanda wujudnya hubungan diplomatik sosiopolitik antara kerajaan tersebut.

Maka Seri Paduka Maharaja Derma Raja pun bermuafakat dengan segala menteri-nya fasal bunga emas bunga perak yang dikehendaki Raja Ligor itu. Maka keputusan muafakat ia-lah menetapkan hendak menghantarkan bunga emas bunga perak tiap2 tahun sa-kali tanda berkaseh2an sa-bagaimana di-kehendaki Raja Ligor itu (Mohd Zahid bin Mohd Shah 1968: 23-24).

Aksesori Barangan Kemas

Dalam naskhah *HA*, pengarang ada menceritakan tentang kisah Sultan ‘Ala ad-Din menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan Ujung Tanah. Sultan ‘Ala ad-Din menaiki takhta pemerintahan kerajaan Aceh Dar as-Salam selepas ayahanda baginda, iaitu Sultan Salah ad-Din mangkat. Sebagai pemerintah baru kerajaan, baginda bercadang untuk membuat pembaharuan dalam pentadbiran baginda. Salah satu usaha yang dilakukan oleh baginda dalam ‘pembaharuan pentadbiran’ tersebut ialah menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan luar. Langkah pertama yang diambil oleh baginda ialah berhubung dengan kerajaan Ujung Tanah yang diperintah oleh Raja Besar menerusi diplomatik sosial, iaitu hubungan perkahwinan. Dalam artikel ini, tidak akan dibincangkan isu perkahwinan antara kedua buah kerajaan. Perbincangan ini hanya

tertumpu kepada pemberian hadiah sebelum perkahwinan antara kedua buah kerajaan dilangsungkan. Namun, tidak menafikan bahawa faktor penarik kepada pemberian hadiah tersebut disebabkan keinginan Sultan ‘Ala ad-Din berkahwin dengan puteri Raja Besar. Buktinya:

Maka pada suatu ketika dititahkan Penghulu Anbia membawa surat kepada Raja Besar, raja di Ujung Tanah. Maka ada dalam surat itu menyebutkan menelangkai puteri anak Raja Besar di Ujung Tanah. Maka ia pun berlayarlah menuju negeri Ujung Tanah (Teuku Iskandar 2001:21).

Sultan ‘Ala ad-Din menyedari bahawa sebagai pemerintah baru dalam kerajaan dengan hanya menghantar rombongan meminang puteri Raja Besar tanpa memberikan sebarang bingkisan hadiah yang bernilai sudah pasti rombongan diraja tersebut akan ditolak oleh Raja Besar. Oleh demikian, hubungan diplomatik sosial yang diinginkan oleh Sultan ‘Ala ad-Din tidak akan tercapai. Perkara ini dijangkakan berlaku kerana Raja Besar berpendapat bahawa Sultan ‘Ala ad-Din seorang pemerintah yang tidak matang dalam pentadbiran dan masih ‘cetek ilmu’ untuk berhubung dengan kerajaan luar. Atas faktor tersebut, hubungan yang akan dijalinkan itu sudah tentu tidak akan memberikan sebarang manfaat kepada Raja besar sekiranya Raja Besar bersetuju menerima hubungan diplomatik tersebut. Justeru, bagi menyangkal tanggapan tersebut berserta niat untuk menyakinkan Raja Besar bahawa baginda (Sultan ‘Ala ad-Din) seorang yang cukup matang dalam pentadbiran dan mempunyai kerajaan yang kukuh dari semua aspek untuk berhubung dengan kerajaan luar maka, Sultan ‘Ala ad-Din telah menghadihkan aksesori barangan kemas kepada pemerintah Ujung Tanah untuk menyampaikan niat suci baginda itu. Antara aksesori barangan kemas tersebut ialah:

Maka Sultan ‘Ala ad-Din pun memeri titah kepada Penghulu Anbia serta membawa alangan daripada tutup sanggul mas dan subang mas dan gelang mas dan beberapa daripada pakaian (Teuku Iskandar 2001:22).

Akhirnya, impian Sultan ‘Ala ad-Din untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan Ujung Tanah tercapai apabila Raja Besar menerima hadiah tersebut dengan rasa gembira dan bersetuju untuk mengahwinkan puterinya dengan Sultan ‘Ala ad-Din. Dalam hal ini, pemberian hadiah berupa barangan kemas itu merupakan alat yang dijadikan sebagai batu loncatan kepada niat Sultan ‘Ala ad-

Din untuk merealisasikan hajat baginda berhubungan dengan Raja Besar dan seterusnya dapat memperisterikan puteri Raja Besar. Petikan di bawah ini menggambarkan perasaan Raja Besar setelah menerima hadiah barangan emas daripada Sultan 'Ala ad-Din:

Maka Raja Besar pun terlalu sukacita memaca surat dan menyambut segala pakaian itu. Maka titah Raja Besar, "Hai kamu tuan-tuan antusan Aceh, segeralah kamu kembali, kerana hamba tiadalah menyuruh antusan lagi, kerana Sultan 'Ala ad-Din itu telah jadi anaklah pada hamba, maka disuruh anak hamba ambillah tuan puteri ini. Hamba pun merigapi perahu mengentatkan anak hamba." Maka Penghulu Anbia pun mohon kembali (Teuku Iskandar 2001:22).

Hamba Sahaya

Adapun sekarang ini kita hendak pergi ke tanah Melayu pula, kerana kudengar tanah Melayu itu ada seorang raja, terlalu adil dan murahnyanya dan periksyannya. Adapun asal raja itu dari keinderaan. Ke sanalah hendak pergi bermain-main" (Kassim Ahmad 1997:53).

Petikan di atas merupakan salah satu dialog yang terdapat di dalam naskhah *HHT*. Dialog tersebut diucapkan oleh Raden Wira Nantaja kepada pembesarnya tentang niat baginda untuk pergi ke Tanah Melayu. Raden Wira Nantaja merupakan putera Raden Inu dari kerajaan Daha (Kassim Ahmad 1997:53). Faktor pemilihan kerajaan Bentan oleh Raden Wira Nantaja adalah disebabkan oleh rajanya yang mengamalkan corak pemerintahan adil dan saksama. Raden Wira Nantaja percaya bahawa kedatangan baginda ke Bentan akan membuahkan hasil yang positif kepada kerajaannya terutamanya dalam menjalin hubungan diplomatik. Dalam naskhah *Nasihah al-Muluk* karangan Imam al-Ghazali ada menyebutkan keadilan seorang raja:

Bermula raja yang adil itu barang yang siapa adil ia pada antara segala hambanya, dan takut ia daripada aniaya, dan binasa. Dan raja yang aniaya itu celaka ia, tiada tinggal kerajaannya itu, dan tiada kekal. Dari kerana bahawasanya nabi sallallahu alaihi wassalam berkata, "Bermula kerajaan itu kekal ia serta yang kafir dan tiada kekal serta yang aniaya" (*Nasihah al-Muluk*, MS Dc. 73-74).

Kedatangan Raden Wira Nantaja ke Bentan disambut meriah dengan penuh adat-istiadat kebesaran raja (Kassim Ahmad 1997:57-60).

Sambutan dan layanan Raja Bentan itu telah menyenangkan hati Raden Wira Nantaja. Seterusnya, hubungan antara kedua raja ini semakin akrab apabila Raja Bentan memberi gelaran kepada Raden Wira Nantaja dengan gelaran 'Ratu Melayu.' Buktinya:

Maka persalin pun dibawa oranglah semuanya menyandang tetapan kekuningan. Maka Raden Wira Nantaja pun memakai cara Melayu. Setelah sudah maka titah baginda pada bendahara dan temenggung, "Adapun pada hari ini kita hendak memberi nama akan saudara kita 'Ratu Melayu.' Barang siapa menyebut Raden Wira Nantaja kita hukuman" (Kassim Ahmad 1997:61).

Tujuan Raja Bentan berbuat demikian adalah untuk merapatkan jurang pemisah antara orang Jawa Daha dengan orang Melayu Bentan. Keberhasilan tujuan tersebut akan mewujudkan hubungan diplomatik tanpa sempadan antara kedua buah kerajaan. Rakyat di kedua buah kerajaan akan terus berhubungan tanpa mengira bangsa dan agama. Hal ini membolehkan kedua-dua raja ini menganggap rakyat Bentan ialah rakyat Daha dan begitulah sebaliknya. Dasar 'rasa kepunyaan bersama' antara negara itu akan mengakrabkan lagi hubungan diplomatik antara kedua kerajaan. Selain itu, atas dasar ini jugalah, Raja Bentan telah rela memberikan hambanya sebagai hadiah kepada 'Ratu Melayu.' Pemberian hadiah ini juga bererti 'taat kepada Raden Wira Nantaja sama juga taat setia kepada Raja Bentan.' Antara hadiah yang diberikan oleh Raja Bentan kepada Raden Wira Nantaja sebelum baginda berangkat pulang ke negerinya ialah:

Maka baginda pun memberi anugerah akan Ratu Melayu anak orang baik-baik laki-laki dua puluh, perempuan yang baik-baik akan dayang-dayang empat puluh dan biduanda yang baik paras empat puluh orang (Kassim Ahmad 1997:69).

Selain itu, Raja Bentan turut memberikan:

dan pedang berikat empat bilah; lain daripada itu lembing bersampak emas dan berpermata empat puluh bilah, lain daripada itu beberapa harta yang gharib dianugerahkan baginda pada Ratu Melayu (Kassim Ahmad 1997: 69).

Pemberian bingkisan hadiah tersebut telah menyebabkan Raden Wira Nantaja (Ratu Melayu) sangat teruja lalu:

Maka Ratu Melayu pun sujud pada kaki baginda; baginda pun memeluk mencium Ratu Melayu dan ditangisinya. (Kassim Ahmad 1997: 69).

Selain kisah Raden Wira Nantaja, pengarang juga menceritakan tentang peristiwa kedatangan Parmadewan ke Melaka. Parmadewan ialah seorang saudagar kaya dari Benua Keling. Kepercayaannya terhadap tilikan nujumnya, telah membawa beliau ke Melaka. Parmadewan sanggup belayar dari Benua Keling ke Melaka semata-mata untuk mengambil Sang Jaya Nantaka (adinda Raja Melaka) untuk dirajakan di Benua Keling. Pemilihan keturunan dari keinderaan ini dipercayai akan membawa tuah kepada bakal kerajaan yang diperintah dan rakyat sudah pasti akan memberikan taat setia mereka kepada raja tersebut. Hal ini ada kaitannya dengan pendapat Singaravelu (1994: 3-10) yang mengatakan bahawa mitos tentang raja Melayu telah meletakkan golongan ini sebagai manusia setengah dewa yang kedudukannya lebih tinggi daripada manusia biasa. Ketinggian kedudukan ini menyebabkan raja Melayu dianggap manusia istimewa yang mempunyai kuasa ghaib yang dapat memberi kebaikan kepada rakyat dan negara. Petikan di bawah merupakan tilikan yang telah dilakukan oleh Parmadewan:

...dalam nujumnya di tanah Melayu itu sekarang sudah diturunkan Allah Subhanahu wa Taala seorang raja dari keinderaan. Maka raja itu beranak laki-laki empat orang terlalu amat baik parasnya. Setelah dilihatnya dalam nujumnya maka Parmadewan pun fikir dalam hatinya, 'Adapun Benua Keling ini tiada beraja; baik aku berbelanjakan hartaku ini, aku hendak menjadikan raja dalam negeri ini kerana hartaku pun terlalu banyak; kerana harta dunia ini tiada gunanya... Jika demikian baik aku pergi ke tanah Melayu itu sambil berniaga-niaga, supaya kupinta anak raja itu seorang kujadikan raja Benua Keling ini, supaya mashyur namaku disebut orang datang kepada akhir zaman, nama anak cucuku disebut orang jadi kaya; hiduplah namaku' (Kassim Ahmad 1997:82).

Niat suci Parmadewan itu disambut baik oleh Raja Melaka. Baginda dengan rela melepaskan adinda baginda untuk dirajakan di Benua Keling. Baginda juga seperti Parmadewan, percaya terhadap tilikan ahli nujum, yang mengatakan bahawa baginda dan adik beradik baginda akan menjadi raja (Kassim Ahmad 1997: 92). Oleh itu, bagi mengucapkan terima kasih kepada Parmadewan, Raja Melaka telah menghadihkan pelbagai hadiah yang mewah kepada beliau. Antara hadiah yang bernilai ialah hadiah hamba sahaya.

Kemudian daripada itu, perempuan yang baik paras dan pandai segala pekerjaan daripada suji

dan sulam dua puluh orang dan gundik yang baik-baik sepuluh orang dan keris berhulu emas empat puluh bilah dan tombak bersampak emas empat puluh dan pedang berikat emas dua puluh bilah. Maka segala anugerah raja itu tiada indah juga pada saudagar itu, sehingga dua puluh orang juga anugerah raja dilihatnya; dalam hatinya, 'Perempuan dua puluh ini jika ditebuskan seribu dinar pun ketebus' (Kassim Ahmad 1997:96).

Selain daripada mengucapkan terima kasih, pemberian hadiah tersebut merupakan langkah awal Raja Melaka menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan Benua Keling. Walaupun pada masa tersebut, Benua Keling masih tidak mempunyai raja, baginda yakin bahawa Parmadewan merupakan seorang yang berpengaruh khususnya dalam membuat keputusan untuk kebaikan pemerintahan kerajaan Benua Keling. Hal ini ada kaitan dengan keputusan Parmadewan yang mengambil Sang Jaya Nantaka, iaitu adinda Raja Melaka untuk dirajakan di Benua Keling tanpa sebarang bantahan daripada rakyat Benua Keling.

Selain itu juga, hadiah yang diberikan oleh Raja Melaka kepada Parmadewan adalah untuk menyukakan hati Parmadewan. Apabila hati Parmadewan gembira, sudah tentu beliau akan menjaga dan seterusnya menjadi penasihat kepada Sang Jaya Nantaka (adinda baginda) setelah memerintah Benua Keling kelak di samping memastikan hubungan diplomatik dan hubungan persaudaraan antara Melaka dan Benua Keling akan berterusan walaupun adinda baginda tidak lagi berada di Melaka.

Maka saudagar itu pun bermohonlah pada raja. Maka raja pun segera memegang tangan saudagar itu lalu diciumnya kepala saudagar itu. Maka titah baginda, "Ya mamak saudagar, saudara kita itu kita serahkan pada mamak saudagarlah; mana perintah mamak saudagarlah. Jika baik, perbaiki; jika jahat, mana perintah mamak saudagarlah, kerana ia orang muda. Daripada sangat harap kita akan mamak saudagar maka kita beri ia pergi" (Kassim Ahmad 1997:96).

Seterusnya, pengarang dalam naskhah *SS* turut menceritakan tentang pemberian bingkisan hadiah hamba sahaya oleh Sultan Mansur Syah kepada Betara Majapahit. Sebelum keberangkatan baginda ke Majapahit untuk mengahwini Raden Galuh Cendera Kirana (A.Samad Ahmad 2010:118), baginda telah memilih beberapa orang hambanya untuk dijadikan hadiah kepada Majapahit. Lihat petikan berikut:

Maka Sultan Mansur Syah pun memilih Anak Tuan-tuan yang baik-baik empat puluh orang, dan “perawangan” yang asal empat puluh orang (A.Samad Ahmad 2010: 118).

Hamba sahaya seperti petikan di atas telah dibawa bersama-sama baginda belayar menuju ke Majapahit. Tujuan baginda menghadiahkan hamba baginda kepada Betara Majapahit adalah untuk mengubah persepsi negatif Majapahit terhadap kerajaan Melaka. Sultan Mansur Syah ingin membuktikan bahawa niat baginda berkunjung ke Majapahit untuk menjalinkan hubungan diplomatik-sosial dan bukannya ingin menguasai kerajaan Majapahit. Segala tanggapan negatif Majapahit ini ada kaitannya dengan peristiwa ‘Majapahit menyerang Temasik’ semasa pemerintahan Raja Iskandar (A. Samad Ahmad 2010:69). Raja Iskandar ialah seketurunan dengan Sultan Mansur Syah.

Persepsi negatif Betara Majapahit itu berjaya diubah oleh Sultan Mansur Syah, apabila Betara Majapahit akhirnya bersetuju mengahwinkan Raden Galuh Cendera Kirana dan membenarkan puteri kesayangannya itu mengikut suaminya pulang ke Melaka. Betara Majapahit menyedari kesungguhan Sultan Mansur Syah untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaannya. Betara Majapahit juga dapat menilai bahawa pemberian bingkisan hadiah yang diberikan oleh raja Melaka itu bermaksud ‘memohon keizinan untuk mengenali ‘hati budi’ Majapahit. Hamba-hamba tersebut boleh dijadikan info dalam pertukaran maklumat antara kedua buah kerajaan sama ada dari aspek agama, adat, dan budaya. Justeru, hal ini akan membantu kedua-dua pemimpin kerajaan mendekati atau mengenali nilai instrinsik diri masing-masing.

Wang Ringgit (Bahara Wang)

Dalam *TAN*, Raja Ali Haji ada menceritakan tentang kisah Raja Kedah yang memohon bantuan daripada Opu Dahing Parani untuk memerangi saudaranya yang muda kerana telah mengambil takhta kerajaan yang sepatutnya menjadi milik baginda. Permintaan Raja Kedah itu diterima oleh Opu Dahing Parani namun sebelum itu, beliau meminta izin untuk kembali ke Riau terlebih dahulu bagi mendapatkan persetujuan daripada kaum keluarganya sebelum bersedia membantu Raja Kedah.

Di dalam hal itu maka datanglah surat daripada Raja Kedah kepada Opu Dahing Parani hendak minta bantu kerana ia diambil oleh saudaranya yang muda kerajaannya, (pada) patutnya ialah

yang jadi raja kerana ia (yang) tua (Hooker 1998:83).

Apabila kesepakatan kaum keluarga sudah diperoleh, maka Opu Dahing Parani mengkhabarkan kepada Raja Kedah tentang kesediaan mereka bersama-sama membantu baginda untuk memerangi saudaranya itu. Raja Kedah sangat gembira dengan berita tersebut. Pada masa yang sama, Raja Kedah berjanji untuk menghadiahkan lima belas bahara emas sekiranya opu-opu Bugis berjaya mencapai kemenangan dan merealisasikan impian baginda.

Maka lalu berjanji Raja Kedah dengan opu-opu itu apabila hasil maksudnya (itu) maka ia/pun hendak/ memberi hadiah kepada opu-opu itu (yang membantunya) lima belas bahara wang. Maka jawab opu-opu itu, “Mana-mana suka Raja Kedah, kerana saya semua ini ke mari tiada lain hanyalah /akan/ menolong Raja Kedah jua adanya” (Hooker 1998:83).

Bingkisan hadiah yang diberikan oleh Raja Kedah kepada opu-opu Bugis tersebut merupakan suatu ikatan permulaan hubungan diplomatik sosiopolitik antara dua bangsa. Di samping dapat mengeratkan hubungan antara Melayu dengan Bugis, Raja Kedah juga mendapat manfaat daripada hubungan tersebut terutamanya dari aspek pertahanan, iaitu bantuan ketenteraan daripada pihak Bugis apabila Raja Kedah diancam musuh. Buktinya, apabila saudara muda Raja Kedah melancarkan perang ke atas Raja Kedah, opu-opu Bugis telah membantu Raja Kedah sehabis daya dan kemenangan berpihak kepada mereka (Hooker 1998:84). Akhirnya, Raja Kedah pun berjaya mendapatkan kembali takhta baginda. Dalam situasi ini, tindakan opu-opu Bugis membantu Raja Kedah (yang sulung) mendapatkan kembali takhta baginda merupakan suatu tindakan yang betul dan menepati dengan peraturan adat Raja-Raja Melayu. Mengikut adat Raja-Raja Melayu, apabila mangkat seseorang sultan itu, putera sulung dan putera gahara Al-Marhum itulah yang menggantikan Al-Marhum ayahandanya dengan syarat dipersetujui oleh orang-orang kebesaran itu (Tun Suzana Tun Othman 2002: 48). Oleh itu, kerjasama yang diberikan oleh opu-opu Bugis tersebut tidak menyalahi peraturan sesebuah kerajaan Melayu.

Peralatan Senjata dan Haiwan Jinak

Dalam *SS*, Sultan Mahmud Syah telah menghadiahkan peralatan senjata dan beberapa ekor haiwan yang jinak kepada kerajaan Pasai. Kerajaan

Pasai merupakan kerajaan Islam pertama di Indonesia yang terletak di pesisir pantai utara Sumatera, di sekitar Kota Lhokseumawe, Aceh Utara sekarang (Amir Hendarsah 2010: 4). Ia merupakan tempat berkumpulnya saudagar Islam dari Gujarat, Persia, China, dan Arab (Prawoto 2007: 85). Pasai telah muncul sebagai pusat pertama pengajian dan penyebaran agama Islam dan juga boleh dianggap sebagai pusat tamadun Melayu Islam yang pertama di Kepulauan Melayu (Abdul Rahman Hj. Abdullah 1990:48; Wan Hussein Azmi 1980: 143; S.M.N. al-Attas 1969:12). Dengan kelebihan yang ada pada kerajaan Pasai maka kerajaan Melaka telah menjadikan Pasai sebagai 'kerajaan rujukan' dalam soal jawab ilmu agama. Dengan kata lain, hubungan antara kerajaan Melaka dengan kerajaan Pasai ialah bermotifkan kepada hubungan diplomatik-sosial.

Kepintaran kerajaan Pasai dalam menjawab soalan agama menyebabkan Sultan Mahmud Syah sangat menghormati raja Pasai. Rasa hormat tersebut dizahirkan oleh baginda dengan memberikan bingkisan hadiah berupa alat senjata dan beberapa haiwan yang jinak kepada kerajaan Pasai. Hadiah tersebut telah dibawa oleh Orang Kaya Tun Muhammad dan Menteri Sura Dipa untuk dipersembahkan kepada raja Pasai.

Maka surat pun diaraklah ke perahu, bingkisannya golok perbuatan Pahang sebilah, bertahtakan emas berpermata, kakatua putih seekor, kakatua ungu seekor. Maka Orang Kaya Tun Muhammad pun pergilah; maka surat itu dihafazkannya selama di laut itu (A.Samad Ahmad 2010:248).

Sehubungan dengan pemberian hadiah tersebut, Sultan Mahmud Syah telah mengemukakan dua soalan agama yang menjadi kemusykilan baginda untuk dijawab oleh raja Pasai. Soalan tersebut ialah:

'Barang siapa mengatakan bahawa Allah subha nahu wa taala menjadikan dan memberi rezeki pada azali, bahawa sesungguhnya kafir dan 'barang siapa mengatakan Allah subha nahu wa taala tiada menjadikan dan tiada memberikan rezeki pada azali, maka sesungguhnya kafir' (A.Samad Ahmad 2010: 248).

Dalam naskhah SS, pengarang tidak menyatakan jawapan penuh bagi soalan yang dikemukakan oleh wakil Sultan Mahmud Syah itu. Pengarang hanya memberikan gambaran bahawa Orang Kaya Tun Muhammad berpuas hati dengan jawapan yang diberikan oleh Tun Hassan (pendeta Pasai). Perkara tersebut berlaku untuk mengelakkan berlakunya konflik, khususnya dalam isu agama pada generasi

akan datang. Gambaran peristiwa tersebut seperti petikan di bawah:

Maka kata Tun Hassan pada Orang Kaya Tun Muhammad, "...Inilah ia yang dikehendakkan oleh raja besar itu." Maka berkenan pada Orang Kaya Tun Muhammad kata Tun Hassan itu. Maka Orang Kaya Tun Muhammad pun bermohonlah kepada Sultan Pasai (A.Samad Ahmad 2010: 249).

Orang Kaya Tun Muhammad dan Menteri Sura Dipa tidak pulang dengan tangan kosong sebaliknya Raja Pasai telah memberi balasan untuk sultan Melaka sebagai tanda hubungan diplomatik terjalin dan rasa hormat-menghormati antara kerajaan Pasai dengan Melaka. Antara balasan hadiah tersebut ialah:

Maka raja Pasai membalas surat raja Melaka, bingkisan sekin jenawi bertumit bertatah sebilah; panah dua rahin dengan anaknya dua terkas. Maka surat pun diaraklah ke perahu, maka dipersalin oleh Sultan Pasai. Setelah itu maka Orang Kaya Tun Muhammad pun kembalilah ke Melaka (A. Samad Ahmad 2010: 249).

KESIMPULAN

Bingkisan hadiah yang dikirimkan oleh pemerintah kerajaan Melayu kepada kerajaan luar pada zaman Kesultanan Melayu merupakan salah satu daya usaha raja Melayu menjaga kedaulatan kerajaan serta keamanan dan kesejahteraan rakyat baginda. Bersesuaian dengan statusnya sebagai pemimpin kerajaan, raja Melayu telah memberikan hadiah yang bernilai tinggi seperti barang yang dihasilkan daripada emas dan perak, aksesori barangan kemas, peralatan senjata, haiwan yang jinak selain hamba sahaya sebagai pertaruhan diplomatik. Dalam memperkatakan tentang hadiah berupa 'hamba sahaya,' ia diberikan untuk mengeratkan lagi hubungan sesama manusia dengan berkongsi pengetahuan tentang adat dan budaya serta pemikiran masing-masing. Secara tidak langsung, penerima hadiah akan dapat mengetahui serba sedikit tentang selok belok adat, dan budaya orang Melayu. Selain itu, bingkisan hadiah ini adalah cerminan intelektual orang Melayu dalam membentuk dan melaksanakan kaedah komprehensif agar sesebuah kerajaan itu berjaya mencapai objektif dalam menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan lain.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Haji Abdullah. 1990. *Pemikiran Umat Islam di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya hingga Abad ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amir Hendarsah. 2010. *Cerita Kerajaan Nusantara Populer 27 Kisah Kerajaan*. Jakarta: Great Publisher.
- A.Samad Ahmad (Pnyl.).2010. *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu*. Edisi Kesepuluh. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bustan al-Salatin* (Universiti Malaya, MS 41).
- Buyong Adil. 1974. *Sejarah Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Che' Mustaffa Tam & Tuanku Nong Jawa. 1960. The last Kedah Bunga Emas. *Malaysian in History* 6: 41-53.
- Fadhulullah bin Jamil. 1984. Perhubungan antara Kerajaan Aceh dengan Semenanjung Tanah Melayu. Satu tinjauan sejarah di sekitar abad ke-16 hingga abad ke-17 Masihi. *Nusantara* 12: 37-58.
- Gallop, A.T. 1994. *Warisan Warkah Melayu*. London: The British Library.
- Hasan Junus. 1996. *Raja Ali Haji dan Karya-karyanya*. Riau: Pusat Pengajian Bahasa dan Kebudayaan Melayu, Universitas Riau.
- Hassan Ahmad. 2005. *Pengenalan Konsep & Gagasan Karya Agung Yayasan Karyawan*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Hooker, V.M.. (Pnyl.). 1998. *Tuhfat Al-Nafis*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Bakti. 1960. Bunga Emas Golden Flower, Gift or Tribute. *Malaysian in History* 6: 40-53.
- Ismail Saleh. 2003. Sejarah Kesultanan Kedah Darul Aman. Kertas kerja dalam Bengkel Kajian Naskhah Kesultanan Melayu III. Auditorium Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah, Kedah, 3-5 Jun.
- Kassim Ahmad (Pnyl.). 1997. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Yayasan Karyawan.
- Md. Yadi Said. 2006. *Mengurus Konflik*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.
- Mohd Jamil Mukmin. 2011. Sejarah hubungan diplomasi Kerajaan Melayu: Satu tinjauan. *Jurnal IKSEP* 2: 71-90.
- Mohd Zahid bin Mohd Shah (Pnyl.). 1968. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Taib Osman. 2004. *Hikayat Seri Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nasihah al-Muluk* (SOAS, Universiti London, MS 4639).
- Nik Mahmud Ismail. 1934. *Ringkasan Citra Kelantan*. Kota Bharu: The al-Assasyiah Press Co.
- Omaridin Ashaari. 2008. *Sistem Politik dalam Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Prawoto, M.Pd. 2007. *Siri IPS Sejarah I*. Jakarta: Penerbit Yudhistira.
- Singaravelu, S. 1994. Kosmogoni dan kosmografi India dan kesannya di Alam Melayu. Seminar Antarabangsa Kosmologi Melayu. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 24-26 Januari.
- Siti Hawa Salleh (Pnyl.). 1998. *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Penerbit Universiti Malaya.
- Siti Hawa Salleh. 2009. Hikayat Merong Mahawangsa dan Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah: Paparan ketuanan dan kekuasaan Melayu zaman silam. Seminar Kebangsaan Kekuasaan Dalam Sastera Melayu Nusantara. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 25-26 Julai.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. 1969. *Preliminary Statement on A General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teuku Iskandar Teuku Ali Basyah (Pnyl.). 2001. *Hikayat Aceh*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Tun Suzana Tun Othman. 2002. *Institusi Bendahara: Permata Melayu Yang Hilang Pustaka*. Kuala Lumpur: BSM Enterprise.
- Wan Hussein Azmi. 1980. *Islam di Malaysia: Kedatangan dan Perkembangan Abad ke 7-20*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Yuan Wang, Goodfellow, R. & Xin Sheng Zhang. 2000. *Menembus Pasar Cina*. Bogor: SMK Mardi Yuana.

Salmah Jan binti Noor Muhammad, Ph.D.

Pensyarah Kanan

Jabatan Bahasa Melayu

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

43400 UPM, Serdang, Selangor, MALAYSIA.

E-mail: salmahjan@upm.edu.my, salmahjannoor@gmail.com

